


MINGGUAN: Tentang sambutan ke-20 tahun pasukan polis. Apa yang boleh Tan Sri katakan?

MUSA: Saya bangga kerana acara ini disambut ketika saya menerajui PDRM (sebagai KPN ketujuh). Dalam masa sama, saya melihat tanggungjawab dan cabaran yang lebih besar untuk terus meletakkan PDRM di tahap yang membanggakan. Saya telah mencadangkan kepada kerajaan untuk menambah baik jabatan polis. Sebab ini adalah satu daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Diraja. Di dalam usaha ke arah penambahbaikan ini, kita perlu ada tindakan untuk menjenamakan semula pasukan polis. Dari situ kita mewujudkan visi dan misi baru. Visi kita ialah mahu menjadi agensi penguat kuasa utama yang berintegriti, mampu bersaing dan komited untuk bekerja dengan masyarakat. Misi kita ialah PDRM komited untuk berkhidmat dan bekerjasama dengan masyarakat dalam mengekalkan undang-undang serta ketenteraman awam.

Sebelum ini Tan Sri ada menyebut tentang pelan lima tahun. Apa tumpuan utama?

MUSA: Pertama, pemantapan integriti para anggota, kedua, mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, ketiga, menangani masalah peningkatan jenayah dan persepsi masyarakat terhadap jenayah. Keempat, membendung peningkatan penagihan dadah dan menangani ancaman keselamatan dalam negeri. Ini adalah nilai teras kita. Maknanya kita kena melakukan usaha secara holistik, termasuk untuk mempertingkatkan latihan para pegawai polis. Mereka perlu didedahkan dengan teknik-teknik baru dalam menjalankan tugas. Cadangan saya kepada kerajaan dalam usaha menukar kerjaya ini kepada suatu bidang yang menarik, supaya orang ramai lebih berminat menyertai pasukan polis termasuklah mewujudkan skim perkhidmatan baru - peningkatan gred memabitkan kenaikan pangkat dan latihan. Saya telah menghantar kertas cadangan kepada JPA. Dalam usaha mempertingkatkan latihan, maknanya kita perlu menambah atau memperbesarkan pusat latihan sedia ada. Jika sekarang kita hanya mampu melatih 3,000 orang, kita mahu meningkatkannya sehingga 7,000 orang. Ini dari segi modal insan. Saya juga mahu mewujudkan pusat latihan setempat contohnya dalam melatih pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat (bertugas), agar mampu melaksanakan tu-

M. Musa m/s 7
05.3.07



gas dengan lebih baik dan berkesan serta memahami peranan untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Kita juga merancang untuk menerapkan nilai-nilai Islam Hadhari. Anggota yang beragama Islam akan didedahkan dengan nilai-nilai baik yang ditekankan dalam agama. Bukan Islam pula didedahkan dengan nilai-nilai baik sejagat agar menjadi anggota yang lebih bertanggungjawab, beramanah dan mempunyai integriti tinggi.

Boleh Tan Sri perincikan apa yang terkandung dalam kertas cadangan kepada pihak JPA itu?

MUSA: Kita mencadangkan kaedah proses kenaikan pangkat yang baru kerana cara interviu sudah tidak relevan. Dengan cara baru ini, kita berharap dapat melahirkan pegawai-pegawai yang lebih berkualiti kerana mereka perlu melalui proses pemilihan yang 'bersih.' Ini bermakna kalau seseorang itu hendak naik pangkat, mesti berdasarkan prestasi. Kita mahu membetulkan segala kepincangan.

Maknanya tiada lagi proses interviu?

MUSA: Cadangan saya supaya semua dilakukan menerusi kursus kenaikan pangkat. Dengan cara ini kita akan mudah mengenal pasti pegawai yang baik atau sebaliknya. Maknanya semua pegawai kanan yang membuat cadangan kenaikan pangkat bagi para pegawai masing-masing, selepas ini tidak lagi terus diterima tetapi akan dipantau kemampuan dan kelayakan mereka. Tetapi, walaupun kursus ini diperkenalkan, proses kenaikan pangkat ini masih juga berdasarkan kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK), undang-undang dan sebagainya.

Bagi yang tidak berijazah, adakah mereka juga berpeluang untuk dilantik sebagai inspektor?

MUSA: Mereka masih diberi peluang selagi memenuhi keperluan kemasukan ke akademi (polis). Contohnya konstabel yang ada diploma akan diberi peluang untuk dinaikkan pangkat sebagai pegawai dengan syarat prestasi memberangsangkan.

Bagaimana dengan proses pengambilan anggota dan pegawai baru?

MUSA: Anggota pangkat rendah, cadangan saya ialah lulusan Sijil Pelajaran Malaysia akan dilantik sebagai konstabel. Konstabel ada dua pengambilan. Bagi yang mempunyai diploma, akan dilantik sebagai sarjan. Kita memerlukan sarjan muda untuk melakukan kerja-kerja penyiasatan. Sekarang pemegang diploma kita lantik sebagai inspektor. Akan datang, hanya pemegang ijazah akan dilantik sebagai inspektor manakala untuk jawatan kadet Asisten Supritendan (ASP), kita tidak mahu ambil lagi.

Pemegang diploma akan dilantik sebagai sarjan, bagaimana dengan kursus?

MUSA: Buat waktu ini mereka menjalani kursus selama enam bulan iaitu tiga bulan akademik dan disiplin manakala tiga bulan lagi membabitkan latihan turun padang. Tetapi selepas ini, mereka perlu menjalani latihan dalam tempoh setahun.

Bila semua ini akan berkuat kuasa?

MUSA: Sebab sahaja kerajaan meluluskan (kertas cadangan PDRM), kita akan melaksanakannya kerana cadangan saya selain skim perkhidmatan baru yang seimbang dengan kelulusan, juga termasuk soal penambahan gaji. Saya percaya jika dilaksanakan, ini akan menjadi perubahan besar atau anjakan paradigma kepada PDRM keseluruhannya.

Apa respons terhadap kertas cadangan ini?

MUSA: JPA sedang meneliti dan positif.

Berapa kenaikan gaji yang dicadangkan?

MUSA: Dari segi peratusan, mungkin saya boleh kata ia merupakan kenaikan sebanyak 20 peratus lebih tinggi daripada agensi-agensi kerajaan lain. Kenaikan ini melibatkan konstabel hingga pegawai berpangkat Senior Asisten Komisioner 1.

Jika perkara ini menjadi kenyataan, apa yang Tan Sri harapkan?

MUSA: Saya mengharapkan mereka yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi di samping latihan yang kita berikan, akan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Kerana apa yang saya mahu ialah pegawai-pegawai polis dapat berkhidmat dengan betul, tahu tugas dan tanggungjawab.

Sambutan dingin masyarakat bukan Melayu terhadap kerjaya ini. Apa komen Tan Sri?

MUSA: Sebab itu saya kata di awal tadi, orang yang hendak menyertai kerjaya ini sudah tentu mereka juga mahukan sesuatu kerana setiap orang ada cita-cita masing-masing. Saya percaya kalau kita mewujudkan skim yang menarik dan sistem kenaikan pangkat dibuat dengan telus, saya fikir lebih ramai yang akan menyertai PDRM selepas ini.

Adakah sistem sekarang tidak telus?

MUSA: Bukan tidak telus tetapi perlu diperbaiki lagi. Sebab penilaian seseorang itu untuk dinaikkan pangkat sepatutnya mesti juga berdasarkan prestasi bukan kelulusan akademik semata-mata. Kalau individu itu mempunyai kelulusan akademik yang tinggi pun tetapi prestasinya tidak cemerlang, tak guna kita menaikkan pangkatnya.

Ini berlaku mungkin kerana ketua jabatan sendiri yang mengamalkan sikap pilih kasih?

MUSA: Sebab itu laporan yang adil adalah penting. Hanya mereka yang beriman tahu apa yang mereka lakukan. Antara langkah kita untuk mengelakkan berlakunya pilih kasih ini ialah dengan menghadiri kursus latihan kenaikan pangkat yang akan diperkenalkan. Kita akan mengenal pasti sama ada seseorang itu layak atau tidak. Kita ada panel yang akan memantau sikap mereka, tentang kualiti kepimpinan dan sebagainya. Ini semua kita uji.

Dalam usaha melakukan penambahbaikan ini, apakah cabaran paling besar Tan Sri hadapi?

MUSA: Penambahbaikan ini bukan sahaja dari segi modal insan tetapi juga dari segi sokongan logistik. Alhamdulillah kerajaan telah memberi bajet termasuk menambah kereta peronda dan

Penstrukturan semula PDRM

Mukadimah

HARI ini merupakan ulang tahun pasukan polis ke-200. Sebagai sebuah organisasi keselamatan terpenting negara, tentunya harapan besar diberikan oleh masyarakat terhadap tanggungjawab anggota dan pegawai pasukan itu mengekalkan kesejahteraan awam selain menjaga keharmonian dan keamanan negara.

Hakikatnya 200 tahun bukan satu tempoh yang singkat. Dalam jangka masa tersebut, pelbagai cabaran terpaksa dilalui bagi memastikan semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, mendapat keadilan sewajarnya. Malah tidak dinafikan sepanjang tempoh itu juga, banyak kejayaan besar yang telah dicatat dan menjadi sejarah negara.

Namun di sebalik cabaran dan kejayaan yang dicapai, kita masih mendengar banyak kritikan tentang rasa tidak puas hati masyarakat dengan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh anggota polis. Lebih membimbangkan tentang dakwaan ada pegawai polis yang diberi kepercayaan menjaga kebajikan awam, bertindak menyalahgunakan kuasa mereka.

Kritikan ini semakin hari, semakin membesar dan ia semakin berani diperkatakan secara terbuka. Malah pendedahan tentang wujud campur tangan ahli politik dalam kes-kes tertentu kian menarik perhatian. Bagi Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Musa Hassan, perkara ini antara cabaran yang perlu dihadapi beliau.

Selain 'perang' di peringkat dalaman sendiri, Musa turut melahirkan kebimbangannya dengan cabaran dari luar yang kini semakin mengancam negara. "Dunia globalisasi tanpa sempadan telah mengundang lebih banyak ancaman baru kepada kita," katanya kepada wartawan *Mingguan Malaysia*, **RUHAIDINI ABD. KADIR** dan **SITI MARIAM MD. ZAIN** dalam satu pertemuan di pejabatnya di Bukit Aman, petang Khamis lalu.

Tentang kejayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melepasi piawaian Polis Antarabangsa (Interpol) dan berada di kedudukan teratas dalam menyelesaikan kes-kes jenayah bagi rantau Asia tahun lalu, Musa berkata, "Saya belum gembira. Kalau boleh saya tidak mahu langsung melihat ada jenayah berlaku di negara kita. Bagi saya, kadar 36 peratus masih rendah."

Dalam pertemuan singkat itu, Musa turut menyentuh soal penstrukturan semula PDRM termasuk memperkenalkan skim perkhidmatan baru membabitkan proses kenaikan pangkat dan latihan selain kadar kenaikan gaji yang kini sedang diteliti oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). "Saya percaya jika dilaksanakan, ia akan menjadi perubahan besar atau anjakan paradigma kepada PDRM keseluruhannya," kata beliau.

Cadangan saya kepada kerajaan dalam usaha menukar kerjaya ini kepada suatu bidang yang menarik supaya orang ramai lebih berminat menyertai pasukan polis termasuklah mewujudkan skim perkhidmatan baru

— Musa Hassan

sebagainya. Sudah tentu ini akan membantu usaha-usaha kita. Pada 1990, jumlah rakyat negara kita ialah 17 juta. Anggota polis hanya 80,000. Sekarang hampir 27 juta orang sedangkan anggota polis ialah 97,000. Tidak berlaku banyak penambahan tetapi pada masa sama, jenayah semakin meningkat. Dulu jenayah tertumpu kepada jenayah tempatan tetapi sekarang meliputi global. Jenayah-jenayah baru mula masuk seperti jenayah siber dan sebagainya. Semua ini perlu perhatian. Sebab itu kita memerlukan penambahan anggota. Teknik penyiataan juga harus dipertingkatkan kerana penjenayah semakin bijak. Kita perlu mewujudkan unit-unit baru.

Nisbah ideal penduduk dan anggota polis?

MUSA: Secara ideal 1:250 (seorang anggota polis bersamaan 250 orang). Tetapi mungkin kita tidak mampu melakukannya di seluruh negara. Mungkin kita hanya boleh melakukannya di bandar-bandar besar yang kita tahu lebih banyak kes jenayah seperti di Lembah Klang, Johor Bahru, Lembah Kinta di Perak, Pulau Pinang dan sebagainya. Di kampung-kampung mungkin buat masa ini cukup dengan hanya pondok polis dan sebagainya.

Maksud Tan Sri jumlah anggota di kebanyakan kawasan bandar utama amat tidak seimbang?

MUSA: Benar. Kalau kita lihat, ini berlaku kerana pembangunan terlalu pantas. Kewujudan balai-balai polis selalunya tidak seiring dengan pembangunan yang berlaku. Semasa saya bertugas di Johor dulu, saya terpaksa mewujudkan balai polis bergerak dalam usaha memberi perkhidmatan kepada orang ramai kerana kedudukan balai polis yang jauh dari kawasan-kawasan perumahan. Sebab itu perancangan pembangunan di sesebuah bandar bagi saya juga perlu mengambil kira kemampuan dari segi pembangunan jabatan polis.

Di Subang Jaya contohnya nisbah polis berbanding penduduk 1:6,800. Apa langkah drastik polis untuk mengatasi masalah seperti ini?

MUSA: Buat masa sekarang, kita mempunyai 800 orang di Bukit Aman yang boleh diarah turun padang. Tetapi kita tidak boleh hantar serentak. Kita telah menurunkan lebih kurang 80 anggota. Kerana itu kita terpaksa meminta kerajaan membenarkan pengambilan anggota sendiri. Kalau hendak tunggu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, mengambil masa lama. Buat masa ini kerajaan meluluskan pengambilan 60,000 anggota baru. Jumlah ini dicampur dengan lebih 90,000 anggota sedia ada, semuanya 150,000 anggota tetapi lebih kurang 3,000 orang bersara setiap tahun perlu diambil kira. Selain itu, kita mencadangkan diwujudkan sistem pemantauan berpusat supaya tindakan boleh diambil dengan lebih

cepat. Sekarang, pegawai penyiasat (IO) hanya berada di ibu pejabat polis daerah (IPD). Saya cadangkan kita buat tiga kategori balai polis berdasarkan populasi. Misalnya kategori A membabitkan kawasan populasi 50,000 atau lebih. Kita akan menempatkan kira-kira 150 anggota dan pegawai. Bila berada di balai yang sama, mereka boleh bekerja lebih cepat. Kategori B, balai lebih kecil di kawasan lebih kecil, mungkin 60 hingga 70 anggota. Di kampung-kampung, kategori C, membabitkan 25 anggota. Mereka ini akan diketuai Asisten Supritendan (ASP) (Kategori balai A), Inspektor (B) dan Sub-Inspektor (C). Ini supaya orang ramai mendapat perkhidmatan lebih baik. Dan tentunya dari segi logistik, kita memerlukan sistem komunikasi yang baik, mesti disepadukan. Kerjasama amat penting, tidak kira dari cawangan mana.

Pada pendapat Tan Sri, di mana tahap kesedaran masyarakat terhadap jenayah?

MUSA: Saya rasa kebanyakan masyarakat mempunyai kesedaran. Walau bagaimanapun kita perlu bekerja. Tidak boleh mengharapkan pihak polis sahaja. Saya tidak mampu meletakkan anggota polis di setiap kawasan perumahan. Mesti ada persefahaman antara polis dan masyarakat. Selain itu, setiap pegawai akan diberikan sektor-sektor (kawasan). Mereka perlu memantau sektor yang ditetapkan. Jika ada apa-apa yang berlaku, mereka ini yang perlu bertanggungjawab. Sebarang maklumat yang diperoleh di sektor-sektor terbabit mesti disalurkan kepada kita untuk diambil tindakan.

Sesuai dengan Hari Polis 200 tahun, apa nasihat kepada anggota dan para pegawai polis?

MUSA: Bagi saya senang sahaja, bersikap jujur kepada diri sendiri. Kedua, bertanggungjawab, beramanah dan adil. Berhemah tinggi dan memberikan perkhidmatan yang baik. Orang ramai mahu perkhidmatan yang baik, berikanlah mereka perkhidmatan yang baik. Orang yang datang ke balai polis misalnya, kalau sanggup datang ke balai polis, mestilah inginkan pertolongan. Kalau kita melayan dengan baik, mereka akan gembira, separuh daripada masalah yang dihadapi akan selesai. Tetapi kalau kita tidak mesra atau buat sesuatu yang tidak betul atau gertak mereka, mereka akan lebih marah. Sama juga orang memberi maklumat kepada polis, kalau kita tidak mengambil tindakan, bagaimana? Satu lagi saya mengharapkan supaya para pegawai rapat dengan anggota mereka. Walaupun kita pegawai tinggi, jangan menjauhkan diri daripada pegawai bawahan. Mesti mengambill berat kebajikan mereka. Kalau ada masalah bertanya, berbincang untuk menyelesaikannya, jangan buat orang takut. Kalau anggota takut hendak berjumpa, macam mana kita boleh jadi pegawai yang baik? Komunikasi dua hala perlu ada.